

## **MAJLIS ILMU 2015**

### **TAJUK CERAMAH PERDANA WASATIAH MEMBENTUK KEUNGGULAN WANITA**

Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas,  
Negara Brunei Darussalam

30 Muharram 1437H bersamaan 12 November 2015M

Disediakan Oleh :

Dr Hjh Mas Nooraini Hj Mohiddin  
Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْمَلِكِ الْحَقِّ الْمُبِينِ، الَّذِي حَبَّانَا بِالْإِيمَانِ وَالْيَقِينِ。 أَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ، وَعَلٰى آلِهِ الطَّيِّبِينَ، وَأَصْحَابِهِ الْأَحْيَارِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ يٰا حَسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ  
الحمد لله القائل في كتابه العزيز: وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أُمَّةً وَسَطًا لِتَكُونُوا شُهَدَاءَ عَلٰى النَّاسِ وَيَكُونُ  
الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا

Mengadap ke hadapan Majlis Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha Binti Almarhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam.

Ampun beribu-ribu ampun,

Dengan penuh hormat dan takzimnya, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung limpah kurnia perkenan kehadapan Duli Tuan Patik bagi menyampaikan ceramah kepada para hadirat di Majlis Ilmu 2015 seterusnya menjunjung perkenan bagi menggunakan Bahasa biasa di sepanjang ceramah yang akan hamba Kebawah Duli Tuan Patik sampaikan ini.

Para Hadirin dan Hadirat yang dikasihi Allah sekalian

Rasulullah sallahu alahi wasallam pernah menukilkan kelebihan majlis ilmu dalam sabdanya yang bermaksud : “Apabila kamu melalui(bertemu) dengan taman-taman syurga (di atas muka bumi ini) maka hendaklah kamu berhenti

untuk menikmatinya (hasilnya). Lalu Sahabat pun bertanya : Apakah di taman-taman Syurga tersebut ya Raulullah? Baginda menjawap: majlis-majlis ilmu (hadis riwayat al-Tarmizi). Dan semoga majlis ilmu pada pagi ini insyallah merupakan salah satu dari taman syurga yang dimaksudkan oleh baginda Rasulullah SAW.

Pendekatan wasatiah bukanlah sesuatu perkara baru diperkenalkan. Ia sebenarnya telahpun diamalkan dan dilaksanakan semenjak berdekad-dekad lalu oleh Brunei khususnya dan di Nusantara umumnya. Ini dapat dibuktikan melalui kedaulatan perlembagaan dengan memberi peruntukan agama Islam sebagai agama rasmi negara; Bahasa Melayu sebagai Bahasa kebangsaan tanpa melupakan peranan Bahasa-bahasa lain. Pengiktirafan Islam sebagai agama rasmi negara memaparkan bahawa negara Brunei Darussalam menjunjung tinggi dan mempertahankan pegangan agama Islam dalam masa yang sama memberi kebebasan beragama kepada penganut lain. Pemerintahan beraja selaku pemimpin dan penaung kepada rakyat, merupakan amanah besar yang dipikul oleh baginda bagi menjalankan kuasa tertinggi memerintah negara ( Badaruddin, 1995)<sup>1</sup>

Sejarah telah membuktikan bahawa pendekatan wasatiah sememangnya telah lama wujud sejak zaman Nabi dan baginda sentiasa mengalakkan para sahabatnya supaya mengamalkan pendekatan wasatiyyah dalam amalan hidup mereka<sup>2</sup>. Cuma kehadirannya baru disedari dan pendekatannya baru dikenali sejak kebelakangan ini. Sehingga ia dianggap lambang mercu tanda kecemerlangan bagi umat Islam dalam sesebuah Negara. Kepentingan konsep wasatiah tidak dapat dipertikaikan lagi sehingga muncul idea untuk mewujudkan sebuah Instituti Wasatiah di negara jiran yang berperanan menyediakan wadah untuk memastikan

---

<sup>1</sup>

<sup>2</sup> Abdullah, Md Zain, 2013.

pendekatan ini difahami, dihayati dan seterusnya dipraktikkan dalam amalan harian semua masyarakat.

Wasatiah berasal dari ungkapan ‘ummatan wasatan’ yang hanya disebutkan sekali saja dalam al-Quran iaitu firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah ayat 143 yang bermaksud :

“Dan demikianlah Kami menjadikan kamu umat yang pertengahan (sebagai umat yang adil dan pilihan) supaya kamu menjadi saksi atas manusia (tentang yang benar dan yang salah) dan Rasulullah pula akan menjadi saksi atas (perbuatan) kamu”.

Pelbagai takrifan dan pengertian diberikan untuk menghuraikan maksud ‘ummatan wasatan’ dalam ayat tadi. Berdasarkan kitab-kitab tafsir dan penjelasan para ulama pengertian Wasatiyyah boleh dertiakan sebagai keseimbangan dan keadilan. Keseimbangan ialah kehidupan yang mengimbangi 2 keperluan iaitu keperluan kehidupan di dunia dan keperluan rohani dan spiritual yang menunjangi asas kewujudan manusia. Manakala keadilan pula boleh diterjemahkan sebagai keadaan terbaik yang perlu dicapai oleh setiap individu. Keadilan juga ialah kecemerlangan yang akan tercapai hasil daripada kehidupan yang dilestarikan dengan keseimbangan.

Pendekatan wasatiyah adalah suatu pendekatan mengamalkan ajaran Islam secara berimbang dan syumul dalam segenap bidang kehidupan individu dan masyarakat, dengan tujuan untuk mempertingkatkan kualiti hidup ummah di dalam pelbagai bidang antaranya pembangunan ilmu pengetahuan, pembangunan insan, perpaduan, ekonomi dan kewangan, undang-undang dan kenegeraan, dan pertahanan<sup>3</sup>.

---

<sup>3</sup> Abdullah, Md Zain (2013) Pendekatan Wasatiyyah: Definisi, Konsep dan Pelaksanaan. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia.

Menurut Syeikh Yusuf al-Qaradhawi iaitu ulama kontemporari, wasatiah bererti keseimbangan yakni pendekatan yang berada antara dua nilai yang berbeza dan saling ekstrem. Terdapat dua nilai yang saling esktrem dalam kehidupan kita seharian, sebagai contoh sayang dan benci, gembira dan sedih.

Antara kedua-dua keadaan ekstrem ini, terdapat satu keadaan yang disebut sebagai adil atau pertimbangan yang adil (bil qist), iaitu tidak melampau atau berkurang, serta berseimbangan antara dua nilai ekstrem, iaitu tidak berlaku kezaliman. Pendekatan wasatiah (pendekatan yang adil dan terpilih) atau pendekatan berseimbangan digunakan untuk meletakkan sesuatu secara berseimbangan dan sesuai pada suasana, masa dan tempat tanpa berlebihan atau berkurangan. Sebagai contoh, kasih sayang yang keterlaluan yang ditunjukkan kepada anak akan menyebabkan anak terlalu dimanjakan, manakala kebencian dan marah terhadap peranganinya yang keterlaluan pula akan menyebabkan anak ‘lari’ daripada kita. Pendekatan wasatiah ialah pendekatan antara kasih sayang dengan benci. Maknanya, dalam sayang ada benci dan dalam benci ada sayang. Sayangnya kita kepada anak tidaklah sehingga merosakkan akhlaknya dan bencinya kita terhadap perangainya tidaklah sehingga menyebabkan dia menjauhkan diri dari kita<sup>4</sup>.

#### Kelebihan Wasatiah:

Pendekatan wasatiah mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan pendekatan ekstrem. Antara kelebihannya, seperti yang dinyatakan oleh Sheikh Yusuf al-Qardhawi, termasuklah pendekatan wasatiah juga lambang kebaikan untuk memenuhi tuntutan antara dua ekstrem- antara dunia dengan akhirat, antara keunggulan dengan realiti, antara rohani dengan jasmani, antara kehendak individu dengan jemaah atau masyarakat dan sebagainya.

---

<sup>4</sup> Mohd Yusof, Othman ( 2013 ) Pendekatan Wasatiyyah : Kearah Pembangunan Yang Lestari dalam Wasatiyah Pemacu Peradaban Negara. Putrajaya: Institut Wasatiyyah Malaysia

Hubungan manusia dengan kehidupan hendaklah berdasarkan keseimbangan antara kebendaan dan kerohanian semata iaitu antara terlalu obses dengan dunia ini dan menolak keduniaan secara total.

Allah s.w.t malarang keras meninggalkan urusan dunia hanya semata-mata mengejar urusan akhirat sepertimana ditegaskan dalam firmanNya melalui kisah Qarun yang berlaku zalim terhadap kaumnya pada zaman Nabi Musa as;

وَابْتَغِ فِيمَا آتَيْكَ اللَّهُ الْدَّارُ الْأَخِرَةُ وَلَا تَنْسِكْ نَصِيبَكَ  
مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الفَسَادَ فِي  
الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ

٧٧

Maksudnya : “Dan carilah pahala negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepada mu dan janganlah engkau melupakan bahagian mu daripada kenikmatan dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepada mu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan ( Surah al-Qasas, 28:77)

Abdullah bin Amr bin Asr, salah seorang sahabat Rasulullah saw pernah berkata : “Bekerjalah kamu untuk urusan dunia mu seolah-olah kamu akan hidup selamanya dan bekerjalah kamu untuk urusan akhirat mu seolah-olah kamu akan mati esok harinya.

Hadirin dan Hadirat yang dirahmati Allah

Wanita berperanan penting bagi kesejahteraan masyarakat baik dalam skala kecil seperti pembentukan keluarga dan dalam pembangunan skala besar seperti negara. Kerana keluarga bahagia akan melahirkan masyarakat yang hidup

harmoni dan sejahtera. Namun terdapat dua tanggapan terhadap wanita iaitu golongan yang terlalu merendah-rendahkan golongan wanita yang hanya layak berada di dapur, melayan suami dan tidak ada fungsi dalam masyarakat. Manakala golongan kedua pula terlampau memuja dan mengagongkan wanita sehingga wanita boleh melakukan apa-apa sahaja hatta membolehkan wanita boleh menjadi imam dalam solat jumat.

Wasatiah Islam tetap berdiri atas prinsip keseimbangan yang sentiasa membawa kepada keadilan, kekuatan dan istiqamah. Islam telah memberi hak kepada wanita dan memperakui kehebatan serta nilai mereka sehingga sekiranya mereka dibunuhan pun nilai mereka sama dengan lelaki.

Tetapi pada masa yang sama, hak kaum lelaki juga tidak dizalimi sehingga tidak berlaku kezaliman. Justeru al Quran dan Sunnah telah membicarakan perkara tentang wanita dengan penuh adil dan menepati realiti iaitu meletakkan wanita sesuai ditempatnya dan sedikit pun tidak menyisihkan mereka daripada masyarakat.

Peribahasa Melayu ada menyatakan “ Tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia”- wanita yang secara umumnya bersifat lemah lembut dan malu mampu menyumbang idea dan tenaga kepada pembangunan negara.

Para hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian

Wanita yang unggul ialah bukanlah dari golongan yang ekstrem atau pelampau dan bukan dari kalangan golongan pengabai atau ‘inda ingau’. Islam menggalakkan umatnya mengambil pendekatan wasatiah atau pendekatan pertengahan dan berada antara kedua-dua ekstrem ini.

Maksud keunggulan ialah kelebihan daripada yang lain, istimewa dan hebat.

Keunggulan wanita di zaman dahulu dinilai dari pengorbanan mereka dalam memperjuangkan agama Islam serta ketaatan mereka terhadap Allah dan juga

RasulNya. Banyak kisah-kisah kehebatan mereka disebut dalam hadis. Salah seorang daripadanya ialah kisah sumayah wanita Islam pertama yang gugur syahid kerana mempertahankan keimanannya. Beliau dan keluarganya menerima seksaan setiap hari dan tidak pernah berhenti. Keteguhan imannya telah mengangkat derajatnya sebagai wanita yang agung. Bila mana Rasulullah saw menyampaikan khabar gembira bahawa beliau dan keluarganya dijanjikan syurga akhirat penderitaan yang dialami bertukar menjadi anugerah Allah. Meskipun penghujung hayatnya melakarkan kisah yang amat perit bila mana Abu Jahal Laknatullah menusuk Qubulnya dengan tombak yang tajam.

لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللهِ

Namun keunggulan wanita terkini dilihat dan dinilai dari sudut yang berbeza iaitu mampu mengimbangi antara tuntutan akhirat dan keperluan dunia.

Hak dan kewajipan suami isteri didasarkan pada tradisi atau adat kebiasaan yang berlaku dalam satu masyarakat adalah selaras dengan fitrah masing-masing wanita dan laki-laki. Laki-laki terlibat di sektor awam sedangkan wanita di sektor domestik, laki-laki bertugas sebagai ketua rumah tangga dan memberi nafkah, sedangkan tugas isteri melayani suami, serta mendidik dan mengasuh anak-anaknya kerana tugas ini selaras dengan fitrahnya sebagai ibu rumah tangga<sup>5</sup>

Seperti mana yang ditegaskan oleh Rasulullah riwayat Bukhari dari Abdullah bin Umar :

والرجل في اهله راعٍ وهو مسؤول عن رعيته والمرأة في بيت زوجها راعية وهي مسؤولة عن رعيتها.

Maksudnya : Suami merupakan pemimpin dalam keluarganya dan dia bertanggungjawab ke atas orang yang dipimpinnya. Isteri pula menjadi pemimpi

---

<sup>5</sup> Agus Priyoni (2003) Relasi Suami Isteri ( Studi analisis gender pemikiran Mahmud Syaltut tentang peran domestic wanita sebagai fitrah), Skripsi tidak diterbitkan, Fakultas Syariah UIN Sunnan Kalijaga Yogyakarta.

dalam rumah tangga suaminya dan dia lah yang bertanggungjawab ke atas yang dipimpinnya.

Dalam hubungan suami isteri dalam rumah tangga, suami mempunyai beberapa kewajipan dan begitu pula isteri mempunyai hak. Suami juga mempunyai beberapa kewajipan dan begitu pula si isteri mempunyai kewajipan juga<sup>6</sup>.

Hakikatnya suami isteri ditakdirkan bersama untuk saling melengkapi. Kekurangan ISTERI ditampung oleh kelebihan suami, kekurangan SUAMI diimbangi dengan kelebihan isteri.

Dunia wanita kini dapat dikategorikan kepada 2 dimensi iaitu dunia suri rumah tangga sepenuh masa dan alam wanita bekerjaya.

Pada dasarnya mengikut syariat Islam, urusan rumah tangga seperti tugas memasak, mencuci dan mengemas rumah bukanlah kewajipan isteri, namun ianya menjadi tanggungjawab sisuami untuk melakukannya. Ini termasuklah menyediakan khidmat pembantu rumah untuk menjalankan tugas tersebut. Dalam keadaan ini, jika suami tidak mampu untuk memenuhi kewajipan tersebut, keseimbangan tugasan isteri sangat jelas. Bukan hanya semata-mata mendidik dan menjaga keluarganya malahan mengarihi membuat semua urusan rumah tangga yang lainnya dalam usaha untuk mewujudkan kesejahteraan keluarga serta melahirkan generasi yang terbaik. Suri rumah tangga memenuhi tuntutan dua ekstrem antara kehendak individu dengan keluarga. Berperang dengan perasaan bosan kerana melakukan pekerjaan yang sama setiap hari namun dalam masa yang sama memikirkan kesejahteraan keluarga kerana jika ia tidak dilakukan boleh menggugat kebahagian rumah tangga, itulah acuan wasatiah yang disyorkan dalam Islam.

---

<sup>6</sup> Amir Syarifuddin (2006) Hukum Perkahwinan Islam Di Indonesia Antara Fiqh Munakahat dan Undang-Undang Perkahwinan, Cet 1, Jakarta : Kencana.

Bagi suami yang mampu menyediakan semua keperluan keluarga, Islam tidak mengalakkanisteri untuk bekerja. Ini akan memberi lebih banyak masa dan ruang kepada suri rumahtangga menjalankan kewajipannya sebagai ibu dan guru keatas anak-anaknya serta menjalankan tanggungjawab sebagai isteri solehah. Keseimbangan boleh di lihat dari pembahagian tugas di mana suami mencari nafkah dan isteri pula menjaga aset suami termasuklah anak.

Untuk menjadi unggul/hebat /istimewa bukanlah senang untuk di capai kerana terpaksa melalui pelbagai ujian. Semakin tinggi tahap kehebatan seseorang itu semakin banyak ujian yang diterima untuk di tukar ganti dengan harga syurga abadi. Ini kerana suri rumah tangga dengan dunianya terbatas melakukan rutinnya yang hampir sama setiap hari lebih mudah mengalami tekanan.

Ini dibuktikan melalui kajian yang telah dibuat oleh penyelidik dari University of North Carolina. Di mana dalam kajian yang dijalankan selama 10 tahun, bermula 1991 ke atas 1,364 wanita berstatus ibu,mendapati wanita yang tidak bekerja, lebih cenderung mengalami tekanan dan lebih mudah mendapat penyakit berbanding wanita bekarier. Sebagai contoh, ibu yang bekerja separuh masa, secara keseluruhannya dilaporkan mempunyai tahap kesihatan lebih baik dan gejala kemurungan juga didapati lebih rendah berbanding ibu tidak bekerja. Ini membawa makna bahawa suri rumahtangga yang unggul ialah mereka yang dapat mengimbangi antara keberadaannya di gelanggang rumahtangga, mampu mengatasi kemelut yang tidak kurang hebatnya dengan keinginan untuk menikmati kehidupan untuk bersosial yang lebih bebas.

Wanita mempunyai kelebihan dan keistimewaan tersendiri, ini terbukti melalui banyak kajian yang menyatakan wanita kuat bermain emosi, kerjaya lebih teliti dan mampu melakukan banyak pekerjaan dalam satu masa. Di antara kajian tersebut ialah kajian yang telah dijalankan oleh National Geographic ke atas kumpulan lelaki dan wanita dalam dua eksperiman yang berbeza. Mereka

mendapati wanita berserba kebolehan dibandingkan dengan lelaki, kerana itu ia mampu menjadi isteri, ibu, guru dan bekerja dalam satu masa yang sama.

Para hadirin dan hadirat yang diberkati Allah sekalian

Penglibatan wanita terhadap bidang kerjaya telah menunjukkan bahawa wanita pada zaman kini telah mengorak langkah menuju ke arah suatu perubahan yang berbeza berbanding wanita pada zaman dahulu. Kini kedudukan wanita yang bekerjaya tidak hanya sekadar berada di rumah malah mereka telah mencapai suatu pencapaian yang membanggkan semua pihak. Tapi sejauh mana persediaan wanita bekerjaya ini dalam menempuh cabaran-cabaran yang terpaksa dihadapi oleh mereka dalam memastikan peranannya dalam institusi kekeluargaan dan alam kerjaya tidak terjejas.

Cabaran-cabaran ini telah menimbulkan pelbagai implikasi kepada diri mereka dan orang yang berada disekeliling mereka. Antaranya ialah kegagalan menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap keluarga. Secara umumnya cabaran yang terbesar ialah pengurusan masa antara dua perkara iaitu masa terhadap keluarga dan kerjaya. Kesemua cabaran ini akan dapat diatasi dengan mengambil kira segala apa yang telah digariskan oleh ajaran Islam berkaitan etika dan garis panduan yang perlu dipatuhi oleh wanita yang berkerjaya. Ini kerana Islam telah menetapkan yang terbaik kepada umatnya melalui pendekatan wastiah.

Karier bagi wanita yang sesuai dengan ajaran Islam adalah wanita yang berkerja dalam rumahtangga dan tidak mengabaikan tugas asalnya dalam rumahtangga. Suami tetap menjadi ‘bos’ dalam rumah tangga meskipun isteri seorang yang berprestasi tinggi kerana Islam lebih menekankan pada kesepakatan dan saling pengertian dalam membangun rumah tangga<sup>7</sup>.

---

<sup>7</sup> M.Nasyarudin, Latif (2010) Tinjauan Hukum Islam Terhadap Ketidakadilan Gender Dalam Peran Ganda Wanita, Yogyakarta: Universitas Islam Negeri Sunan Kajijaga.

Islam tidak menghalang/melarang wanita itu melibatkan diri mereka dengan pekerjaan kerana pekerjaan juga merupakan ibadah kepada Allah SWT. Namun Islam meletakkan syarat bagi wanita bekerja untuk memastikan kesejahteraan keluarga. Isu ini tidak dibincangkan meluas dizaman Nabi atau sahabat kerana kurang keperluan untuk itu pada zaman tersebut.

Kebanyakan wanita di Zaman Nabi tidak bekerja di luar rumah cuma sebahagian wanita Islam adakalanya bertugas di luar rumah berdasarkan keperluan. Contoh :

- Ummu Atiyah bertugas menguruskan jenazah wanita Islam di Madinah
- Rufadah al-Islamiyah merupakan doktor wanita Islam pertama merawat pejuang Islam yang cedera ketika perang Khandaq
- ash-Shifa yang dilantik oleh Khalifah Umar ibn Al-Khattab untuk menjalankan tugas al-hisbah atau shariah auditor bagi memastikan ianya dijalankan menepati syariah.

Asma binti Abu Bakar as-Siddiq merupakan anak kepada sahabat Rasulullah, khalifah Islam pertama setelah wafatnya baginda menceritakan bahawa ketika dia berkahwin dengan Zubair, beliau merupakan seorang pemuda yang miskin, tidak punya harta dan apa-apa melainkan seekor kuda. Setiap hari Asma menjaga dan memberi makan kuda tersebut. Makanan yang diberikan berupa kurma yang telah ditumbuk oleh beliau sendiri. Asma juga perlu berjalan sejauh 3.4 km setiap hari untuk memetik kurma di kebun kurma milik suaminya hasil pemberian Rasulullah. Akhirnya ayahnya sendiri menyediakan pembantu untuknya kerana kasihan melihat keadaanya.

Ini menunjukkan bahawa wanita di zaman Nabi pun telah keluar berkerja untuk membantu meringankan bebanannya suaminya di samping berusaha meningkatkan kemahiran diri dan dalam masa yang sama menguruskan keluarga.

Situasi dan kisah yang hampir sama juga berlaku pada masa kini. Kisah ‘suri teladan’ yang patut dicontohi dan diambil iktibar daripadanya seperti kisah ibu

mithali yang berupaya membesar 17 orang anak. Dan 15 orang daripadanya berjaya hingga ke menara gading. Beliau hanyalah seorang penoreh getah yang miskin yang hanya mampu memberikan anak-anaknya makan pisang lenyek bercampur nasi dan bersusukan susu cap junjung ketika berusia 4 bulan. Dengan hanya pendapatan RM 400 sebulan, beliau tidak pernah bersungut malah berusaha menambah pendapatan dengan menjalankan perniagaan nasi lemak. Beliau juga setiap hari berkerja menoreh getah bersama suaminya yang jaraknya tidak kurang jauhnya dari rumah beliau. Tambah menyedihkan lagi beliau sanggup mendaki bukit yang tinggi di waktu usia kandungannya 9 bulan. Bayangkanlah beliau yang sepatutnya berehat ‘menunggu hari’ diasak dengan pekerjaan yang berat sedangkan pada kebiasannya wanita di awal kandungannya sudah dinasihati untuk banyak berehat dan tidak melakukan kerja yang lasak dan berat.

Memang layak lah beliau diberi penganugerahan sedemikian rupa. Alhamdulilah di Brunei juga memperakui kehebatan wanita dalam berhasil membentuk institusi keluarga berjaya seperti anugerah bakti hijrah khas wanita yang biasanya dinobatkan ketika majlis awal tahun hijrah berlangsung.

Walau bagaimanapun terdapat perbezaan situasi dulu dan sekarang bagi wanita bekerja di mana wanita bekerja bukan hanya mengikut keperluan tapi kerana faktor yang lain seperti

- terbiasa dengan pendapatan sendiri
- meningkatkan taraf hidup keluarga
- meringankan bebanan suami
- tidak mahu bergantung sepenuhnya kepada suami/berdikari

Meskipun Islam tidak melarang wanita untuk bekerja, namun Islam meletakkan syarat sesuai dengan fitrahnya sebagaimana yang disebut oleh Prof Dr Md Uqlah al-Ibrahim ;

- terdapat keperluan seperti untuk menampung keluarganya bagi yang kematian suami atau untuk membiayai nafkah ibu bapanya yang miskin.
- Menutup aurat dengan erti kata yang sebenar dan bukan berpakaian tetapi telanjang dan menjauhi fitnah,
- Pekerjaan yang baik/ tidak melanggar syarak
- Keizinan /persetujuan dari suami
- Berkebolehan mengimbangi antara tuntutan kerja dan tuntutan rumah tangga.
- Mestilah berhenti sekiranya berlaku keperluan dan kelemahan dalam pendidikan anak-anak

Cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerja tidak kurang hebatnya jika dibandingkan dengan suri rumah tangga sepenuh masa;

- Waktu terbatas untuk urusan rumah tangga
- Perhatian terhadap suami dan anak-anak
- Pendidikan anak-anak, tambahan lagi mendidik anak pada masa kini lebih sukar dibandingkan dahulu kerana dipengaruhi kepantasan ilmu teknologi dan pelbagai pengaruh dari luar.

Kerana keterbatasan waktu dan masa telah mewujudkan impak yang sungguh besar dalam institusi keluarga;

- Kurang layanan terhadap suami
- Pembantu rumah mengambil alih tugas ibu.
- Anak-anak kurang perhatian dan kasih sayang

Contoh video ‘mum and maids’

Video yang berdurasi 1 minit 48 saat memaparkan wawancara yang dilakukan oleh Badan Amal terhadap ibu, anak dan pembantu rumah. Pertanyaan yang

diajukan merupakan hal-hal kecil seeperti cita-cita dan teman terdekatnya. Paparan itu menunjukkan ibunya tidak tahu segala hal tentang anak-anaknya dan pembantu lebih rapat dengan anak, bilamana 74% pembantu rumah menjawap dengan betul.

Perkara ini bukanlah suatu mustahil berlaku pada zaman ini dan lebih parah lagi bila pembantu rumah lebih rapat dan mesra dengan anak berbanding ibu sendiri seperti gambaran dalam klip video yang akan ditayangkan sebentar lagi.

## SELEPAS TAYANGAN VIDEO

Sebagai ibu apakah perasaan anda jika perkara tersebut berlaku ke atas diri sendiri وعياذ بالله tiada kata-kata yang akan dapat diungkapkan untuk menyatakan perasaan yang tersirat dan yang tersurat. LUKA DITANGAN NAMPAK BERDARAH, LUKA DIHATI HANYA ALLAH SAHAJA YANG TAHU.

Untuk mengelakkan dari perkara itu terjadi pelbagai cara penyelesaian disyorkan untuk menjadi yang terbaik dan cemerlang duniawi dan ukhrawi.

- Toleransi antara dua belah pihak/ saling menghormati dan menghormati/ kesepakatan/ muafakat membawa berkat
- Menjadi ‘suri teladan’ model terbaik untuk anak-anak “bagaimana calak begitulah kuihnya’- bisai calaknya maka akan bisailah perangainya.
- Persefahaman, kerjasama dan sokongan dari semua pihak- Majikan perlu faham bahawa orang bawahan buykan hany sebagai pekerja tapi juga seorang isteri dan ibu.
- Interaksi dan komunikasi/ meluangkan masa berkualiti/ manfaatkan masa yang ada, dengarkan laporan yang disampaikan oleh anak-anak.

Para hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian

Tidak dapat dinafikan bahawa keterlibatan wanita dalam bidang karier mampu membantu meringankan bebanan kewangan, meningkatkan ekonomi dan menaiktarafkan kehidupan keluarga tetapi wang yang bertimbun, berilmpah ruah tidak akan akan dapat menjanjikan kebahagian jika ianya tidak ditanai dan di amalkan mengikut acuan wasatiah.

Mengimbangi antara kerjaya dan tanggungjawab sebagai isteri dan ibu merupakan tugas yang amat berat. Kerana kedua peranan tersebut sama-sama memerlukan waktu, tenaga dan menuntut perhatian.

Dalam usaha mencari harta dunia, tanggungjawab sebenar janganlah diabaikan. Realitinya memang susah untuk menjadi ‘super woman’ yang harus pandai membahagikan masa untuk kerjaya dan rumahtangga. Memberikan pendidikan dan memastikan kesejahteraan keluarga merupakan tanggungjawab utama sebagai ibu. Sikap pangling mata perlulah dielakkan dan tidak menyerahkan bulat-bulat tugas berkenaan atau terlalu mengharap pembantu rumah. Kerana ia hanyalah ‘pembantu rumah’ bukan ‘pembantu peribadi’.

Untuk mencapai tahap keunggulan bukanya satu perkara yang mudah, ianya perlu melalui pelbagai ujian. Sepertimana yang di alami oleh para ulama untuk sampai ketahap ‘ulama warathatul anbiya’ pelbagai ujian berat yang dihadapi.

Wanita yang unggul dari sudut kaca mata Islam ialah wanita yang mampu mengimbangi antara kepentingan sendiri dan kemaslahatan keluarga serta berusaha untuk mencapai yang terbaik dalam usaha melahirkan keluarga sakinah, mawadah dan rahmah, seterusnya mendorong ke arah mewujudkan masyarakat Islam wasatiah yang terbaik yang memperakui kenikmatan syurga dunia namun tidak mengabaikan syurga abadi di akhirat.

Sama-sama lah kita bermuhasabah diri agar majlis ilmu pada pagi ini akan menjadi pemangkin kepada gerakan untuk membudayakan amalan pendekatan wasatiah yang berterusan dalam masyarakat terutama sekali dalam membentuk

acuan dan ciri-ciri keunggulan wanita Islam khususnya. Kerana tangan yang ada bukan hanya berfungsi untuk menghayun buaian sahaja malah mampu menggoncangkan dan mengegarkan dunia. Insyallah biiznillah...Segala yang baik itu datangnya dari Allah swt dan segala yang buruk itu datangnya dari manusia sendiri.

وَاللَّهُ أَعْلَمُ بِالصَّوَابِ

Ampun beribu-ribu ampun, demikianlah ceramah yang hamba Kebawah Duli Tuan Patik sampaikan kepada para hadirin dan hadirat di majlis yang bersejarah dan diberkati Allah Subhanahu wa Ta'ala ini. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung beribu-ribu ampun, jika terdapat suruk langkah, tersilap Bahasa dan kata-kata yang kurang manis disepanjang ceramah yang hamba Kebawah Duli Tuan Patik sampaikan tadi.

Sekian.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالهَدَايَا وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha